



KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)

Tingkat 4 - 6, 10, 11, 15 - 18, Wisma Innoprise,  
Jalan Sulaman, Teluk Likas,  
88817 Kota Kinabalu, Sabah.  
Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541  
Laman Web: www.sabah.gov.my/mlgh



Rujukan: KKT&P: 100-4/5 JLD.6( 12 )

Tarikh : 13 Januari 2022

Presiden  
Majlis Perbandaran Sandakan

Presiden  
Majlis Perbandaran Tawau

Pegawai Eksekutif  
Lembaga Bandaran Kudat

Semua Pegawai Eksekutif  
Majlis Daerah Seluruh Sabah

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**ARAHAN PELAKSANAAN TAPISAN KASAR SURUHANJAYA  
PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) KEPADA ANGGOTA PIHAK  
BERKUASA TEMPATAN YANG MENJALANKAN TUGAS-TUGAS  
PENGUATKUASAAN**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian ini komited terhadap pengawalan dan pengukuhan integriti semua anggota Pihak Berkuasa Tempatan yang menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan. Oleh itu, penambahbaikan amalan, sistem dan tatacara kerja anggota penguat kuasa perlu dilakukan bagi memastikan tidak ada ruang dan peluang untuk belakunya aktiviti rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan semasa menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan.

3. Selaras dengan nasihat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam sesi taklimat pada 21 Ogos 2021, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan telah memutuskan untuk mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan Tapisan Kasar SPRM bagi perkara-perkara berikut:

..2/..

**“SABAH MAJU JAYA”**

Rujukan : KKT&P: 100-4/5 JLD.6( )

Tarikh : 13 Januari 2021

**ARAHAN PELAKSANAAN TAPISAN KASAR SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) KEPADA ANGGOTA PIHAK BERKUASA TEMPATAN YANG MENJALANKAN TUGAS-TUGAS PENGUATKUASAAN**

---

- 3.1. Melaksanakan tapisan kasar SPRM kepada semua Pegawai Penguat Kuasa, Penolong Pegawai Penguat Kuasa, Pembantu Penguat Kuasa dan mana-mana pekerja dalam jawatan-jawatan yang lain termasuk Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang telah dilantik untuk menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan atau bertugas di Bahagian Penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan.
  - 3.2. Semua syor pelantikan termasuk pelantikan baharu, kenaikan pangkat pemangkuan, pertukaran tetap atau sementara atau pinjaman ke jawatan Pegawai Penguat Kuasa, Penolong Pegawai Penguat Kuasa atau Pembantu Penguat Kuasa, hendaklah disertakan dengan laporan tapisan kasar SPRM yang mengesahkan pegawai atau calon yang diperakukan tidak ada rekod jenayah dan bebas daripada siasatan SPRM.
  - 3.3. Pegawai yang dicadang untuk di arah menjalankan tugas mana-mana jawatan Pegawai Penguat Kuasa, Penolong Pegawai Penguat Kuasa atau Pembantu Penguat Kuasa disamping tugas jawatan hakikinya sendiri, hendaklah terlebih dahulu mendapatkan tapisan kasar SPRM dan disahkan tidak ada rekod jenayah serta bebas daripada siasatan SPRM sebelum arahan menjalankan tugas dikeluarkan.
4. Surat arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian dan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



( DATUK JAMILI NAIS, PhD )  
Setiausaha Tetap

- 3 -

Rujukan : KKT&P: 100-4/5 JLD.6( )  
Tarikh : 13 Januari 2021

**ARAHAN PELAKSANAAN TAPISAN KASAR SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) KEPADA ANGGOTA PIHAK BERKUASA TEMPATAN YANG MENJALANKAN TUGAS-TUGAS PENGUATKUASAAN**

---

- s.k. (1) Pengarah  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Sabah) Aras 3, Blok A,  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Jalan UMS,  
Peti Surat 6000, **88400 KOTA KINABALU.**
- (2) Ketua Unit Integriti Negeri Sabah  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Aras 8, Blok A, Menara Kinabalu  
**88400 KOTA KINABALU.**
- (3) Semua Pengerusi  
Majlis Daerah seluruh Sabah.

../mjad

**“SABAH MAJU JAYA”**